

Suara

muzium kelantan



PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN

Bilangan 6 | Keluaran 2018

Percuma / Free Issues



WARISAN KEBANGSAAN 2018

MS
04

Rolls Royce Silver Wraith



Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2018

MS
10



Pameran Animasi Terbesar di Kelantan

MS
13



Pertukaran Pengarah Muzium Kelantan

MS
18



<http://www.muziumkelantan.gov.my>



[www.facebook.com/pages/
muziumnegerkelantan](https://www.facebook.com/pages/muziumnegerkelantan)



<http://twitter.com/muziumkelantan>



muzium@kelantan.gov.my



[http://instagram.com/
muziumkelantan](http://instagram.com/muziumkelantan)

SIDANG REDAKSI



PENAUNG

YB. Mejar (B) Dato' Hj. Md. Anizam bin Ab. Rahman

Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Warisan dan Pelancongan Negeri Kelantan merangkup Pengerusi Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.



YB. Mejar (B) Dato' Hj. Md. Anizam bin Ab. Rahman
Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Warisan dan Pelancongan Negeri Kelantan merangkup Pengerusi Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.



PENASIHAT

YABrs. Tn. Hj. Ruslan bin Hj. Hassan
Pengarah

Perbadanan Muzium Negeri Kelantan



YABrs. Tn. Hj. Ruslan bin Hj. Hassan
Pengarah
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan



KETUA EDITOR

Wan Jaafar bin Jusoh



EDITOR

Abustarim bin Yaacob
Siti Khalisal binti Mohd Sari
Nurunnuha binti Ghazali



GRAFIK

Mohd Ali Riduan bin Daud



JURU FOTO

Sabki bin Ibrahim



DITERBITKAN

oleh Unit Pengurusan :-
PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN
Jalan Hospital, 15000 Kota Bharu, Kelantan.

No. Tel: 09-748 2266

Fax: 09-747 3386

Laman Web: www.muzium.kelantan.gov.my

Dari meja
KETUA EDITOR

Alhamdulillah,
Bertemu kembali dalam Edisi ke-enam Suara Muzium bagi tahun 2018.
Terlebih dahulu bersyukur saya kehadrat ilahi, kerana dengan limpah kurniaNya Suara Muzium ini dapat diterbitkan.

Suara Muzium ini diterbitkan bertujuan untuk memberikan informasi kepada masyarakat serta semua warga Muzium Negeri Kelantan berkaitan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018. Kejayaan dalam melaksanakan aktiviti ini kerana dorongan dan sokongan yang padu dari Dato' Pengerusi Perbadanan Muzium Negeri Kelantan YB Dato' Mejar (B) Hj. Md. Anizam bin Ab. Rahman dan hasil kerja kuat Pengarah Muzium Negeri Kelantan YABrs Tn. Hj. Ruslan bin Hj. Hassan serta komitmen yang tinggi dari pegawai dan kakitangan muzium.

Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan seinggi-tinggi penghargaan serta ucapan terima kasih kepada semua Editorial Suara Muzium bilangan 6/2018 dan semua yang terlibat dalam menjayakan penerbitan pada kali ini. Saya berharap hubungan kerjasama ini akan terus kekal pada masa akan datang.

Wan Jaafar bin Jusoh
Ketua Editor

KANDUNGAN

Suara

muzium kelantan

SENI KHAT



6

HARI MUZIUM



10

PAMERAN LUKISAN



16

BENGKEL & DEMOTRASI



12

CIR SITI WAN SEMIANG



17

REDAKSI

Events

SIDANG RAKYAT

2

WARTA

Peristiwa

Wartawan Belangganan

BERITA

Redaksi

Wartawan

Peristiwa

Wartawan Belangganan

2

PAMERAN SOLD

Events

Peristiwa

"Colours Of Kelantan"

Celeste Poldies

BERITA

Redaksi

Wartawan

Peristiwa

Wartawan Belangganan

8

WARISAN KEBANGSAAN

4

KELAB CINDAI

9

BERITALA

14

BERITA STAF

18

BERITA TERBITAN

Redaksi

Peristiwa

Wartawan

Peristiwa

Wartawan Belangganan

BERITA

Redaksi

Peristiwa

Wartawan

Peristiwa

Wartawan Belangganan

19

Suara

MUSEUM KELANTAN



Perisyiharan Warisan Kebangsaan

Jabatan Warisan Negara telah mengenal pasti dua objek milik Perbadanan Muzium Negeri Kelantan mempunyai Signifikasi dan Integriti untuk diisytiharkan sebagai 'objek warisan' dan objek warisan Kebangsaan di bawah Akta Kebangsaan 2005 (Akta 645) yang memberi peruntukan bagi Pemeliharaan Warisan Negara melalui penyenaraian butiran yang memenuhi kriteria yang ditetapkan sehingga layak diangkat sebagai Warisan Kebangsaan dan seterusnya disenaraikan dalam Akta Warisan Kebangsaan. Objek tersebut ialah.

- Kereta Rasmi Yang di-Pertuan Agong I hingga Yang di-Pertuan Agong VI (**Rolls Royce Silver Wraith**).
- Lukisan Kampung Melayu dan Permainan Tradisional.

Majlis Perisyiharan Warisan Kebangsaan 2018 ini telah diadakan di **ARTS HALL, WOW KL RESTAURANT, JALAN AMPANG (MaTIC)** Kuala Lumpur pada 17 Oktober 2018, Surat Perisyiharan telah di sampaikan oleh Datuk Mohamaddin bin Ketapi, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia kepada YABrs. Tuan Hj. Ruslan bin Hj. Hassan, Pengarah Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.



Kereta Rasmi Yang di-Pertua Agong I-VI (Rolls Royce silver Wraith)

Dikeluarkan dalam tahun 1958 dengan kapasiti enjin 4887 kuasa kuda. Kereta ini dibeli oleh Kerajaan Malaysia pada Ogos 1958 untuk kegunaan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Pertama Tuanku Abdul Rahman Ibni Al-Marhum Tuanku Muhammad. Kereta ini terus digunakan sebagai kenderaan rasmi baginda sehingga Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke VI iaitu Sultan Yahya Petra Ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim (1975-1979).

Pada tahun 1985, kereta ini telah dibeli oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan dibawa balik ke Kelantan dan telah dibawa ke Istana Negeri Kelantan untuk kegunaan Istana. Kereta ini menjadi kegunaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan untuk ke majlis-majlis rasmi.



Kini, kereta ini telah tidak digunakan lagi dan ditempatkan di Muzium Kelantan sebagai bahan sejarah Negeri Kelantan dan Malaysia.

Lukisan Kampung Melayu

Dalam karya ini pelukis melakarkan beberapa bentuk permainan tradisional masyarakat Kelantan. Antaranya congkak, coh, melastik getah, laga ayam, bersilat, persembahan alat muzik kertuk, gendang, rabana ubi, wayang kulit serta persembahan menora dan persembahan makyong. Karya ini sangat penting dalam merekod, mendokumentasi secara visual sejarah permainan dan aktiviti tradisional masyarakat Pantai Timur yang kian dilupakan.





Pertandingan & Pameran Seni Khat 2018

Setiap tahun kerajaan Negeri Kelantan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam menganjur Program Madinah Ramadhan bertempat di Perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV Kota Bharu. Bagi mengisi dan memeriahkan lagi program ini Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah mengadakan satu pertandingan dan Pameran Seni Khat pada 1 Jun 2018. Seramai tiga ratus orang yang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah dan terbuka dewasa dijemput menyertai pertandingan ini dan hasil karya yang memenangi pertandingan dipamerkan diprogram ini.

Majlis perasmian dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YB. Mejar (B) Dato' Hj. Md Anizam b. Ab. Rahman Pengurus Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Warisan dan Pelanconagan Negeri Kelantan.

Objektif diadakan pertandingan dan pameran ini ialah bagi memartabatkan tulisan Jawi melalui Penulisan Khat, mempromosikan Penulisan Khat kepada masyarakat dan mencungkil bakat baru dan melahirkan Penulis Khat yang professional.



Pertandingan, penyampaian hadiah dan cenderahati kepada pemenang dan hakim pertandingan.



Bengkel & Demonstrasi 2018

Sepanjang tahun 2018 pelbagai aktiviti bengkel telah dirancang dan dilaksanakan bersesuaian dengan Muzium sebagai pusat penyebaran ilmu pengetahuan. Antaranya ialah bengkel membuat wau tradisional di Muzium Wau, Pantai Sri Tujuh, Tumpat. Bengkel batik cantting di Muzium Kraftangan dan bengkel lukisan di Balai Seni Lukis Kelantan. Peserta-peserta bengkel terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah sekitar Jajahan Kota Bharu, Tumpat dan Pasir Mas serta pelajar daripada Kolej dan Universiti. Objektif bengkel ini diadakan ialah untuk memberi peluang kepada pelajar atau generasi baru bagaimana cara membuat wau tradisional, batik cantting dan teknik-teknik melukis.



Peserta bengkel Wau dari Sunway University, Selangor

Memandangkan sambutan yang menggalakkan dan permintaan daripada pelajar sekolah, bengkel ini akan diteruskan lagi pada tahun 2019. Pada 17 November 2018, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah menerima jemputan membuat demonstrasi membuat Wau sempena pesta budaya Kelantan - Jepun di Dewan Jubli Perak Kota Bharu.




Bengkel Lukisan



Bengkel Cantting



Demonstrasi Membuat Wau



Pameran Solo “Colours Of Kelantan” Cakna Palestin

Mahmood Bin Mat@hassan

Perihatin dengan penderitaan rakyat Palestin yang berterusan akibat kekejaman rejim Israel, Pebadanan Muzium Kelantan telah mengambil inisiatif mengadakan pameran khas bagi mengisi tabung cakna Palestin. Pameran bersama dengan pelukis terkenal Encik Mahmood b. Mat ini telah diadakan di Balai Pameran utama Muzium Kelantan selama dua bulan bermula 20 Mac hingga 20 Mei dengan tajuk “Colour of Kelantan” - Cakna Palestin. Lebih daripada seratus buah karya beliau telah dipamerkan. Bertuahnya pameran ini kerana Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah menerima lawatan Imam Besar Masjid Al-Aqsa yang

juga bekas mufti Palestin, Sheikh Dr. Ekrima Saed Sabri pada 17 April 2018

Lahir pada tahun 1949 di Kubang Kerian Kota Bharu. Mula bergiat sebagai pelukis pada tahun 2006. Beliau merupakan ahli kepada Persatuan Seni Lukis Kelantan (PESENI), Gabungan Pelukis SeMalaysia (GAPs) dan Ahli @ Membership Balai Seni Visual Negara (BSVN). Karya-karya beliau banyak memaparkan tema kemasyarakatan dan budaya setempat menggunakan Media Cat air, akrilik dan Cat Minyak. Beliau banyak menerima jemputan pameran Solo Lukisan di merata tempat Malaysia.



Lawatan Imam Besar Masjid Al-Aqsa ke Muzium Negeri pada 17 April 2018



Aktiviti Kelab: Cindai

Bagi mengerat hubungan silatulrahim dikalangan kakitangan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kelab Sukan dan Kebajikan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan (CINDAI) telah mengadakan Hari Kakitangan Muzium Kelantan 2018, berbentuk lawatan sambil belajar ke Vietnam pada Januari 2018 dan ke Medan Indonesia pada Ogos 2018. Pelbagai program telah diatur bagi mengisi lawatan ini terutamanya lawatan ke tempat-tempat bersejarah di negara berkenaan.

Pasukan bola sepak Kelab Cindai juga telah mengadakan beberapa siri perlawanan persahabatan untuk memupuk semangat kesukanan dikalangan ahli dan menjalin hubungan silatulrahim

antara jabatan-jabatan dan ahli-ahli kelab dan kakitangan keseluruhannya.

Kelab Cindai juga telah dijemput menyertai pertandingan Lumba Perahu Panjang di Pantai NDO Tumpat Kelantan. Sebagai kerja amal, ahli kelab juga telah mengadakan gotong-royong membersihkan Makam Raja Abdullah di Padang Halban Melor Kota Bharu.



Lawatan ke Vietnam



Pasukan bola sepak Cindai



Gotong-royong di Makam Raja Abdullah



Pasukan lumba perahu di Tumpat



Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2018

Jaringan Muzium:
"Pendekatan Terkini, Sasaran Baru"

Pada 18 Mei setiap tahun muzium-muzium seluruh Dunia menyambut dan merayakan Hari Muzium Antarabangsa. Di Malaysia Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 21 hingga 29 Julai 2018 bertempat di Bandaraya Melaka yang dihoskan oleh Perbadanan Muzium Negeri Melaka (PERZIM).

Pelbagai program melibatkan bukan sahaja warga Muzium, malah masyarakat setempat sepanjang sambutan ini seperti Pameran Hari Muzium Antarabangsa di Perkarangan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan Banda Hilir, seminar Hari Muzium Antarabangsa di Auditorium Seri Negeri Air Keroh, kejohaan sukan hari Muzium Antarabangsa di Kompleks Sukan Batu Berendam, program bersama komuniti di Hang Tuah Centre Duyung, Museum Run 2018 dan Treasure Hunt Melaka Bandaraya Warisan Dunia.





Pelbagai program melibatkan bukan sahaja warga Muzium, malah masyarakat setempat sepanjang sambutan ini seperti Pameran Hari Muzium Antarabangsa di Perkarangan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan Banda Hilir, seminar Hari Muzium Antarabangsa di Auditorium Seri Negeri Air Keroh, kejohanan sukan hari Muzium Antarabangsa di Komplek Sukan Batu Berendam, program bersama komuniti di Hang Tuah Centre, Duyung, Museum Run 2018 dan Treasure Hunt Melaka Bandaraya Warisan Dunia. Acara kemuncak adalah Perasmian yang juga pelancaran Hari Muzium Antarabangsa sebagai tanda sokongan muzium-muzium kepada sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan dengan tema "**Jaringan Muzium: Pendekatan terkini, sasaran Baru**" (Hyperconnected Museums: New Approached, New Publics) Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YB. Datuk Mohammadin bin Ketapi, Menteri Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia di Perkarangan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan Banda Hilir. Pada Majlis penutup Hari Muzium Antarabangsa ini telah berlangsung Majlis Penyerahan bendera kontjen kepada Muzium Sabah yang secara rasminya Negeri Sabah akan menjadi tuan rumah sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2019.





Pameran Kemerdekaan: Tragedi Disember 1941

Sempena menyambut Hari Ulang Tahun Kemerdekaan yang ke-61, Muzium Negeri Kelantan telah mengadakan satu Pameran Khas bertajuk Tragedi Disember 1941 di mana Negeri Kelantan menjadi sasaran pertama tentera Jepun dalam usahanya menakluki Tanah Melayu pada 7/8 Disember 1941. Bahagian pertama pameran ini memuatkan sejarah pendaratan tentera Jepun di pantai Kuala Pak Amat, Penguasaan Jepun ke atas Kelantan dan pentadbiran Jepun. Pameran ini berlangsung selama dua bulan bermula 20 Ogos hingga 20 Oktober 2018 bertempat di Balai Pameran Utama Muzium Negeri di Jalan Hospital Kota Bharu.

Sayangi Malaysiaku merupakan Tema sambutan Hari Kemerdekaan tahun ini. Tema ini menunjukkan bahawa bukan mudah untuk mencapai kemerdekaan, selain bagi memastikan semangat bersatu padu serta maufakat terus dicapai demi Negara tercinta.

Pameran yang diadakan ini adalah bertujuan memberi pendedahan dan peringatan kepada masyarakat tentang sejarah Negara supaya mereka mengetahui keperitan generasi terdahulu berjuang menuntut kemerdekaan dan berusaha membangunkan Negara seperti dinikmati hari ini.



Antara pengisian Pameran Kemerdekaan





Pameran Dunia Animasi

Buat julung kalinya Kelantan dipilih sebagai negeri pertama untuk menganjurkan Pameran Dunia Animasi terbesar di negara ini. Pameran ini telah diadakan di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan bermula 1 November hingga 31 Desember 2018. Pameran ini adalah kerjasama antara Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dengan Pavilion Planet Sdn. Bhd. yang merupakan program yang dirancang khas sesuai dengan musim cuti persekolahan 2018.

Animasi komputer adalah seni menghasilkan gambar bergerak dengan sendiri melalui penggunaan komputer dan merupakan sebahagian bidang komputer grafik dan Animasi. Animasi semakin banyak dihasilkan melaui grafik komputer 3D



walaupun grafik komputer 2D masih digunakan. Animasi komputer ini diterjemahkan ke dalam bentuk pameran untuk pengunjung khususnya kanak-kanak merasai suasana Dunia Animasi dan boleh berinteraksi dengan maskot-maskot Animasi sepanjang pameran berlangsung.

Pameran Animasi ini menampilkan 30 maskot-maskot Animasi daripada Pavilion Planet Sdn. Bhd. yang mengendalikan persembahan sepanjang pameran ini. Pameran yang berlangsung selama dua bulan ini telah dikunjungi oleh puluhan ribu pelawat dari dalam dan luar Kelantan.



Aktiviti-aktiviti sepanjang Pameran Animasi (Interaksi pengunjung dengan Dunia Animasi)



Bermalam Di Muzium 2018

Muzium Wau, Pantai Seri Tujuh, Tumpat, Kelantan

Di Malaysia penganjuran "Program Bermalam di Muzium" telah dipoloopi oleh Muzium Negara (MN) bermula tahun 2005 bersempena sambutan bulan kemerdekaan Negara. Program tersebut telah mendapat sambutan yang cukup hangat di kalangan peserta sehingga menjadi acara wajib MN setiap tahun. Kejayaan penganjuran program ini oleh Muzium Negara telah merintis pelaksanaan program yang seumpamanya di beberapa buah muzium lain di bawah pentadbiran muzium negara malah turut tersebar dan menjadi ikutan muzium-muzium lain di seluruh Negara.

Berdasarkan sambutan menggalakkan yang diterima terhadap penganjuran program ini setiap tahun, muzium negara buat julung kali ini telah berjaya melaksanakan "Program Perdana Bermalam di Muzium" secara serentak pada tahun 2018 yang melibatkan 22 buah muzium dibawah pentadbirannya sehingga berjaya



Program tazkirah kepada peserta



Bermalam di Muzium Wau

memahat nama dalam Malaysia Books of Records dengan jumlah penyertaan seramai 1573 orang pelajar dari seluruh Negara. Penganjuran seterusnya pada tahun 2017 sekali lagi Berjaya memahat rekod penyertaan terbanyak dalam Malaysia Book of Records "Most Number of Participants Overnight Simultaneously for an Educational Programme at the Museum" untuk program bermalam di Muzium.

Pada tahun 2018, program ini dirancang untuk dilaksanakan di semua Muzium dibawah Muzium Negara, muzium-muzium negeri dan muzium institusi jabatan yang sekaligus akan memperhebatkan peranan muzium khususnya dalam aspek pendidikan Muzium. Apakah lagi, setiap Muzium mempunyai niche yang tersendiri dalam menerokai koleksi, konsep, idea, pendapat dan sebagainya dalam melahir dan menzahirkan pembelajaran.

Sejajar dengan Program 1 Pelajar 1 Muzium (IPIM), program ini dilihat menyokong konsep Muzium sebagai institusi pendidikan tidak formal di Malaysia. Selaku badan induk kepada permuziuman di Malaysia, program ini mampu menjadikan Muzium-Muzium sebagai "role model" dalam menyumbang kepada pemantapan dan pelengkap sistem pendidikan formal Negara ini.





Majlis Penutup PAMERAN LUKISAN

Sayangi Malaysiaku

Majlis penutup pameran lukisan bertajuk Sayangi Malaysiaku yang diadakan bersempena sambutan bulan kemerdekaan telah disempurnakan oleh YB. Mejar. (B) Dato' Hj. Md Anizam b. Ab. Rahman Pengurus Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Warisan dan Pelancongan Negeri Kelantan pada 27 Oktober 2018 bertempat di Balai Seni Lukis Kelantan.

Pameran yang diadakan ini adalah merupakan hasil kerjasama antara Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dengan Persatuan Seni Lukis Kelantan (PESENI). Pameran ini berlangsung mulai 27 September hingga 27 Oktober 2018. Sebanyak enam puluh buah hasil karya lukisan yang bertemakan Sayangi Malaysiaku dalam pelbagai saiz dan medium telah dipamerkan bagi membangkitkan perasaan cintakan Negara Malaysia melalui seni Lukisan.



penyampaian cenderamata kepada Dato' Pengurus Muzium

Cik Siti Wan Kembang

*Namamu indah masyur menerawang ke awan
 Menjadi kenangan zaman berzaman
 Raja wanita yang jelita
 Memelihara Kijang kesayangan
 Terukir pada bendera dan matawang*

*Tidak pernah berkahwin
 Apa lagi berputera
 Memadai memanjai seorang anak angkat
 Puteri Saadong yang keramat
 Bersuamikan Raja Abdullah
 Bersemayam dan memerintah Mahligai*

*Cik Siti Wan Kembang
 Puteri Cik Banun anak Seri Nara Diraja
 Bersuamikan Raja Ahmad
 Dapat Puteri Tunggal
 Tanggal 1610*

*Cik Siti ditabah menjadi Sultan
 Menguasai negeri Ulu Kelantan
 Gunung Cintawangsa baginda bersemayam*

*Setelah lama bertakhta
 Baginda meyepi diri
 Meninggalkan istana dan rakyat*

*Bertapa beribadat
 Di Gunung Ayam
 Baginda menghilang
 Aduhai Cik Siti
 Kami rindu wajah dan nesanmu
 Tersorot di mana?
 Aduhai!
 Perbadanan Muzium Negeri Kelantan
 12 Rabiulawal 1440
 ABHAM T.R*



Berita Staf

PERTUKARAN PENGARAH



YABrs. En. Mohd Nazwan bin Ismail - Bertukar ke Pejabat Setiausaha Kerajaan berkuatkuasa 28 Jun 2018

YABrs. Tuan Hj. Ruslan bin Hj. Hassan - Melapor diri di muzium pada 1 Julai 2018

ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG (APC 2018)



Penerima:
YBrs. En. Zainuddin bin Abdullah



Penerima:
YBrs. En. Sabki bin Ibrahim

BUKU TERBITAN

PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN




Dapatkan Sekarang!!

Sebarang pertanyaan dan tempahan sila hubungi:

PN. RURAIDA BINTI DAUD

PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN,
JALAN HOSPITAL, 15000 KOTA BHARU KELANTAN.
NO. TEL: 09-748 2266 FAX: 09-748 3366
email: muzium@kelantan.gov.my
web: www.muzium.kelantan.gov.my

KELUARAN
TERBARU





KERALAMAN NEGERI KELANTAN



PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN

MUZIUM-MUZIUM DI BAWAH PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN

MUSEUMS UNDER KELANTAN STATE MUSEUM CORPORATION



MUZIUM ADAT ISTIADAT DI RAJA KELANTAN
ROYAL CEREMONIES MUSEUM



MUZIUM DIRAJA ISTANA BATU
THE ROYAL MUSEUM



MUZIUM PERANG (BANK KERAPU)
WAR MUSEUM



MUZIUM ISLAM
KUAMIC MUSEUM



MUZIUM KRAFTANGAN
HANDICRAFT MUSEUM



RAIU SENI LUKIS KELANTAN
KELANTAN ART GALLERY



MUZIUM WAYU
KITE MUSEUM



MUZIUM KUALA KRAI
KUALA KRAI MUSEUM

